

28 MAY 1996

SITI HASMAH AHLI SEUMUR HIDUP PERTAMA WIM (BERGAMBAR)

KUALA LUMPUR, 28 Mei (Bernama) -- Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali hari ini dianugerahkan Ahli Kehormat Seumur Hidup pertama Institut Pengurusan Wanita (WIM).

Sijil keahlian serta kerongsang anugerah tersebut disampaikan oleh Pengerusi WIM Datuk Napsiah Omar di Sri Perdana di sini.

Anugerah itu sebagai pengiktirafan kepada jasa bakti dan dayausaha isteri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu dalam membangunkan mutu kehidupan wanita luar bandar dan keluarga mereka khususnya dalam pendidikan dan latihan.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah isteri Timbalan Perdana Menteri Datin Seri Dr Wan Azizah dan anggota WIM. -- BERNAMA

RAM NMO